

NO. SOALAN: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 25 MAC 2015

RUJUKAN : 7567

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) komponen-komponen perbelanjaan secara terperinci sehingga caj RM38 dikenakan bagi setiap pembaharuan permit pekerja asing secara atas talian melalui MyEG dikenakan; dan
- (b) apakah Kerajaan telah mengambil tindakan secukupnya bagi memastikan semua maklumat sensitif dan rahsia Kerajaan tidak disalahgunakan oleh syarikat atau mana-mana pihak yang tidak bertanggung jawab.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) **Untuk makluman, pelaksanaan penyeragaman pembaharuan pas lawatan kerja sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian (online) oleh MyEG secara dasarnya adalah untuk menangani isu penyelewengan dan persepsi negatif terhadap JIM, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan kesesakan di pejabat-pejabat Imigresen.**

Pelaksanaan ini diharapkan dapat membuktikan keupayaan untuk meningkatkan kemudahan dan nilai tambah kepada pengguna dan pihak Kerajaan. Pihak Kementerian sentiasa prihatin akan pengurusan pekerja asing dan akan memastikan penambahbaikan secara berterusan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan masih dalam peringkat perundingan untuk memuktamadkan kadar perkhidmatan Sistem Permohonan Pembaharuan Permit Pekerja Asing melalui Sistem MyEG. Oleh itu, Kerajaan tidak dapat memberikan maklumat mengenai anggaran pendapatan MyEG dan juga pecahan bayaran perkhidmatan tersebut.

- b) **Kerajaan sentiasa peka dan mengambil tindakan secukupnya bagi memastikan semua maklumat sensitif dan rahsia Kerajaan tidak disalahgunakan oleh syarikat atau mana-mana pihak yang tidak bertanggung jawab.**